

OPS GEMPUR BIL 2/2023 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

3 Mac 2023, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 2/2023 ke atas premis-premis industri yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan premis-premis yang ditetapkan (PYDT) daripada 1 hingga 2 Mac 2023. PYBDT adalah premis-premis yang tidak dilesenkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 manakala PYDT adalah premis-premis yang dilesenkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Operasi gempur ini dianggotai seramai 19 anggota penguatkuasa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Sebanyak 17 premis telah diperiksa yang membawa kepada tindakan 17 Arahan segera di Lapangan, 8 penyediaan kertas siasatan bagi Izin Mengkompaun, 4 Notis Arahan dan 1 Lesen PYDT digantung oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di atas pelanggaran pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Orang awam adalah dijemput untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama